

**ANALISIS PELAKSANAAN PROGRAM MEMARTABATKAN
BAHASA MALAYSIA (MBM) SEKOLAH RENDAH
DAN MENENGAH DI MALAYSIA**

Mohd Sahandri Gani Hamzah¹

Mohd Yusof Abdullah²

Abdul Raof Hussin³

Saifuddin Kumar Abdullah⁴

Wong Kung Teck¹

Shahril Ismail¹

Universiti Pendidikan Sultan Idris¹

Kolej Universiti Islam Melaka²

Kementerian Pendidikan Malaysia³

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia⁴

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pelaksanaan program MBM di beberapa buah sekolah rendah dan menengah di dalam negara. Sejumlah 207 buah sekolah, 652 orang murid, 207 orang guru bahasa Malaysia dan 28 orang pentadbir sekolah terlibat dalam kajian ini dengan menggabungkan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Instrumen kajian melibatkan soal selidik, soalan temu bual dan latihan menulis dilaksanakan kepada responden-responden berkaitan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS). Dapatan kajian yang dianalisis menunjukkan program MBM tidak dilaksanakan dengan baik seperti mana yang telah ditetapkan. Penemuan ini berdasarkan kepada data-data yang jelas menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan murid tidak begitu memuaskan di samping kemahiran pengajaran guru bahasa Malaysia tidak berada pada tahap yang tinggi. Hal ini ditambah lagi dengan kegagalan pihak pentadbir sekolah mewujudkan suasana pentadbiran yang efektif dan efisien di premis masing-masing. Cadangan kajian ini agar program MBM dapat disemak semula dari aspek pentadbiran sekolah dan kaedah PdP guru bahasa Malaysia bagi tujuan meningkatkan keefektifan dan keefisienan proses pelaksanaan program MBM agar menjamin kemenjadian murid dalam program tersebut pada masa hadapan.

Kata kunci: Dasar Memartabatkan bahasa Malaysia dan Memperkukuh bahasa Inggeris, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, Penilaian Program.

**ANALYSIS OF IMPLEMENTING 'MEMARTABATKAN BAHASA MELAYSIA'
PROGRAM (MBM) IN PRIMARY AND SECONDARY SCHOOLS IN MALAYSIA**

Abstract

The study aims to analyse the implementation of MBM program in several primary and secondary schools in the country. A total of 207 schools, 652 students, 207 Malay language teachers and 28 school administrators were involved in this study by combining both quantitative and qualitative research methods. Research instruments involving questionnaires, interviews and writing exercises were carried out to relevant respondents. The data were analysed using the Statistical Packages for Social Sciences' (SPSS) program. Findings of the analysis have shown that the MBM program is not well implemented as predefined. The findings are based on data which clearly indicates that the mastery of Malay language among the students is not very satisfactory and the teaching skills of Malay language teachers are not at high level. In addition, school administrators fail to create an

effective and efficient administrative environment in their respective premises. Hence, this study proposes the MBM program to be revised in terms of the aspect of school administration and PdP Malay language teacher methodology in order to improve the effectiveness and efficiency of the MBM program implementation process. This is to ensure the students have a bright future from its implementation.

Keywords: Enhancing Malay Language and Strengthening English Language Policy, Teaching and Learning in Science and Mathematics in English Language, Program Assessment.

PENDAHULUAN

Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah dibahas pelbagai pihak di dalam negara. Ramai ibu bapa, murid dan guru mengakui PPSMI telah menghalang pencapaian lebih baik dalam pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dan tidak memberi kesan positif kepada penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri. Kajian PEMBINA (2008) menjelaskan PPSMI gagal mencapai objektif pelaksanaannya. Fenomena ini menyebabkan prestasi pencapaian murid dalam pembelajaran pelajaran Sains dan Matematik terus merosot dan meluaskan jurang pencapaian pelajaran berkenaan antara murid Melayu dengan bukan Melayu serta murid bandar dengan luar bandar. Akhirnya, mesyuarat Jemaah Menteri 8 Julai 2009 mengambil keputusan untuk memansuhkan pelaksanaan PPSMI di sekolah seluruh negara dan menggantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang sedang dilaksanakan kini. Dasar MBMMBI perlu dilaksanakan kerana penguasaan bahasa Malaysia murid jauh lebih baik berbanding penguasaan bahasa Inggeris, di samping murid dapat menguasai pelajaran Sains dan Matematik dengan baik. Malah, Dasar MBMMBI perlu dilaksanakan kerana proses penyampaian dan penggunaan bahasa Inggeris oleh guru Sains dan Matematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah juga berada pada tahap minimum.

PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan Dasar PPSMI dikira gagal mencapai objektif yang digariskan dalam mempersiapkan pembangunan sumber tenaga manusia yang mantap dari peringkat awal persekolahan untuk bersaing dalam era globalisasi. Namun, setelah enam tahun terbukti sebilangan besar murid gagal menguasai dua pelajaran ini dengan baik. Malah prestasi pelajaran bahasa Inggeris tidak menyerlah dan tidak dapat dibanggakan. Pernyataan ini selaras dengan dapatan Mohd Rosdi (2003) yang menyatakan bahawa prestasi pencapaian murid semakin merosot dalam pelajaran Sains dan Matematik. Malah dapatan kajian *Trends in Mathematics and Science Study* (TIMSS, 2007) menunjukkan penurunan prestasi murid pelajaran Sains dan Matematik peringkat antarabangsa memang wujud, berbanding dengan sebelum Dasar PPSMI dilaksanakan. Dasar PPSMI turut melebarkan jurang pencapaian murid bandar dan luar bandar serta murid Melayu dan bukan Melayu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan sebagaimana dinyatakan menerusi dapatan kajian PEMBINA (2008).

Dalam masa yang sama, isu penggunaan bahasa Malaysia standard turut terjejas dengan pelbagai fenomena yang melanda negara seperti bahasa pasar, bahasa ringkas, rojak dan tabiat mencampur aduk pelbagai bahasa dalam pertuturan hari ini. Malah penggunaan bahasa Malaysia standard hari ini kelihatan semakin tidak penting dalam kalangan murid Melayu dan bukan Melayu di sekolah bandar, yang lazim menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pertuturan di sekolah dan rumah masing-masing. Oleh itu, penggunaan bahasa Malaysia standard sebagai alat komunikasi terus merosot dan sangat terhad. Oleh itu, matlamat utama penggunaan bahasa Malaysia standard sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa tidak tercapai dan tersasar seperti apa yang terkandung di dalam Akta Pendidikan 1996. Implikasinya, murid sekolah bukan sahaja tidak fasih dan lancar dalam pertuturan menggunakan bahasa Malaysia standard tetapi juga gagal mencapai prestasi yang baik dalam penulisan. Fenomena yang sama wujud dari aspek penggunaan bahasa Malaysia standard sebagai bahasa komunikasi murid di kebanyakan sekolah SRJK(C), SRJK(T) dan SMJK(C) yang terus tidak mendapat sambutan menggalakkan. Hasilnya,

murid yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan dan SMJK(C) terus menghadapi masalah pertuturan dan komunikasi, malah berhadapan dengan masalah dalam aktiviti penulisan dalam pembelajaran masing-masing.

Kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia yang dicerap dalam kajian, mendapati proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia adalah berbentuk tradisional, kurang memberikan penekanan asas berbahasa, kurang menggunakan teknologi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kurang amalkan konsep Didik Hibur dan lain-lain yang akan menyebabkan persekitaran pembelajaran yang lebih konstruktif tidak tercapai. Program Memartabatkan Bahasa Malaysia (MBM), di bawah Dasar MBMMBI perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini. Kajian ini menggesa agar penilaian semula perlu dilaksanakan terhadap Program MBM semua peringkat persekolahan di seluruh negara. Penilaian perlu dilakukan untuk melihat sama ada proses transisional pelaksanaan Program MBM telah berjaya atau gagal bagi menggantikan Dasar PPSMI yang telah dimansuhkan sebelum ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian bertujuan menganalisis pelaksanaan Program Memartabatkan Bahasa Malaysia (MBM) dalam kalangan kepimpinan sekolah, guru dan murid di sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Secara khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:-

1. Menganalisis peranan kepimpinan sekolah dan guru bahasa Malaysia dalam menjayakan Program MBM;
2. Menganalisis penguasaan murid dalam amalan berbahasa bahasa Malaysia;
3. Menganalisis penguasaan guru dalam amalan penggunaan bahasa Malaysia.

SIGNIFIKANAN KAJIAN

Kajian ini berusaha untuk berkongsi input tentang keberkesanan pelaksanaan Program MBM dalam kalangan pemimpin sekolah, guru dan murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Hal ini serius kerana negara membelanjakan sejumlah besar perbelanjaan demi memartabatkan bahasa Malaysia di sekolah seluruh negara.

Dapatan yang diperoleh bakal memberi manfaat kepada pemimpin sekolah dan guru berkaitan pelaksanaan Program MBM. Pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), KPM dan IPTA/S dapat memanfaatkan hasil kajian yang dilaksanakan untuk mengambil langkah meningkatkan ilmu pengetahuan, penggunaan, kemahiran dan sikap terhadap usaha memartabatkan bahasa Malaysia. Dapatan kajian juga bermanfaat sebagai panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pelbagai peringkat pengajian di IPTA/S. Kajian dijangka dapat melengkapkan beberapa aspek seperti berikut, misalnya:-

1. Menyediakan strategi pelaksanaan Program MBM yang lebih mantap.
2. Membina kolaborasi strategik pemegang taruh dengan institusi pendidikan dalam mengendalikan pelbagai aktiviti Program MBM dan proses pemantauannya.
3. Menyediakan pendekatan konstruktif terhadap proses pemantauan dan pelaksanaan Program MBM.

TINJAUAN LITERATUR

Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia

Dasar PPSMI dilaksanakan tahun 2003 bertujuan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid dengan hujah, banyak istilah yang digunakan dalam pelajaran Sains dan Matematik adalah dalam bahasa Inggeris. Kaedah ini dijangka membolehkan penguasaan ilmu tersebut secara efisien dan efektif. Namun, selepas enam tahun pelaksanaan dasar, akhirnya negara terpaksa memansuhkan Dasar PPSMI selepas pelbagai kajian mengesahkan Dasar PPSMI gagal, terutamanya aspek membina jurang

pencapaian murid Melayu dan bukan Melayu serta pencapaian murid bandar dan luar bandar semakin luas. Pada 8 Julai 2009, Menteri Pendidikan mengumumkan pemansuhan Dasar PPSMI sepenuhnya pada 2012 dan kedua-dua pelajaran Sains dan Matematik akan disampaikan dengan menggunakan bahasa Malaysia selain menggunakan bahasa ibunda masing-masing di sekolah yang terlibat.

Mulai Januari 2010, negara menunjukkan minat yang tinggi melaksanakan pendekatan dan strategi baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Akhirnya, Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) diperkenalkan. Dasar ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia (Bil. 2/2010) bertajuk Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12 Tahun 2011 bertajuk Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dasar baru ini dilaksanakan pada Januari 2011, di mana semua sekolah rendah diarahkan memulakan pelaksanaan dasar baru tersebut selari dengan perubahan bahasa yang dilakukan dalam buku teks bagi kegunaan sesi persekolahan tahun 2011.

Faktor utama menyumbang kepada kegagalan Dasar PPSMI ialah terdapat ramai guru belum menguasai bahasa Inggeris dengan baik dalam proses PPSMI. Berdasarkan dapatan kajian PEMBINA (2008), terdapat sejumlah 66.2% guru belum mengikuti sebarang kursus berkaitan Dasar PPSMI, sejumlah 81.2% guru pula belum mengikuti sebarang kursus orientasi pelajaran Sains dan Matematik dan sejumlah 60.6% guru masih belum mengikuti sebarang kursus berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sejumlah 91.3% guru, hanya sekadar mengikuti taklimat Dasar PPSMI yang telah dilaksanakan. Di atas kelemahan ini, negara berusaha menggubal Dasar MBMMBI dengan memberi tumpuan kepada semua sekolah untuk berusaha memartabatkan bahasa Malaysia dengan menetapkan bahasa ini sebagai bahasa pengantar bagi pelajaran Sains dan Matematik serta berusaha menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia secara konstruktif.

Konsep Penilaian Pelaksanaan Program

Bagi Chelimsky dan Shadish (1997), penilaian pelaksanaan program yang dilaksanakan perlu berdasarkan kepada tiga aspek utama iaitu akauntabiliti, pengetahuan dan pembangunan keseluruhan sistem pendidikan. Penilaian program juga ditakrifkan sebagai kajian bersifat formal yang melibatkan analisis sistematik terhadap sesuatu program dengan tujuan mendapat gambaran sebenar mengenai keberkesanan, kesesuaian, kecekapan dan ekonomi. Penilaian program juga merupakan salah satu kriteria bagi menentukan Bajet Berasaskan Keberhasilan (OBB) yang sangat berguna sebagai alat pengurusan semasa membuat keputusan (Pekeliling Perbendaharaan, 2012). Bahagian Pendidikan Guru (2009), menyatakan penilaian program ialah usaha mengumpul maklumat berkenaan sesuatu program bagi membuat keputusan berkaitan dengan program tersebut.

Penilaian pelaksanaan program menggunakan prosedur kajian yang sistematik untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan sesuatu program (Rossi, Freeman dan Lipsey, 1999). Data yang digunakan dalam penilaian pelaksanaan program bakal memberi maklumat penting kepada pembuat keputusan menilai keberkesanan program tersebut (Cronbach, 1963; MacDonald, 1976; Preskill dan Caracelli, 1997). Hal ini kerana penilaian akan dilakukan pada akhir pelaksanaan program (Patton, 1996). Hasil yang diperolehi daripada penilaian pelaksanaan program sama ada dalam bentuk penilaian sumatif atau formatif dijadikan sebagai keputusan bagi tujuan pentaksiran ke arah proses penambahbaikan. Penilaian pelaksanaan program bersandarkan kepada keupayaan melaksanakan program mengikut perancangan dalam sesuatu sub-program dengan melihat status yang dikaitkan dengan kesesuaian, kualiti, keberkesanan dan kecekapan sebagai *outcome* yang disasarkan (Amir, 1997).

Menurut Rossi dan Freeman (1993) dan Trochim (2006), untuk membuat keputusan berdasarkan merit yang dikehendaki pembuat keputusan dan pemegang taruh, suatu proses penilaian pelaksanaan program yang tepat harus dilakukan. Malah ia merupakan tindakan formal dalam proses pengumpulan data yang sistematik yang akan dianalisis dengan tepat. Dengan cara ini, kesan sebenar dapat dilihat dan didapati dari pelaksanaan program yang telah dilaksanakan (Rossi dan Freeman, 1993). Penilaian program terhadap pelaksanaan program MBM merupakan kajian yang memberikan

tumpuan kepada program pendidikan di sekolah rendah dan menengah dalam negara.

Penilaian program yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia dan bukan manusia, pengurusan pentadbiran, latihan, amalan proses pengajaran dan pembelajaran, amalan akademik dan kokurikulum dan pengajaran persekitaran pembelajaran. Kesemua atribut ini melibatkan implikasi kewangan digunakan dalam keseluruhan proses pendidikan di peringkat sekolah yang melibatkan tanggungjawab kualiti dan akauntabiliti program yang dilaksanakan (Calder, 1994). Sekiranya penilaian Program MBM tidak dilaksanakan, pencapaian program akan berdasarkan kepada persepsi terhadap pengaruh atau latar belakang dan bukan berdasarkan prestasi dan kebolehan sebenar. Akhirnya, sesuatu program akan dinilai berdasarkan rupa dan bukan daripada kecekapan dan keberkesanan sebenar (Payne, 1997). Bagi Payne (1997), beliau menegaskan bahawa program penilaian pendidikan merupakan alat berkesan untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Tujuan Penilaian Pelaksanaan Program

Tujuan dilakukan penilaian adalah untuk membolehkan sesebuah institusi beroperasi sebagai organisasi pembelajaran yang unggul (Calder, 1994). Hal yang demikian adalah kerana peranan aktiviti pengesanan dan pembetulan kesalahan adalah asas utama bagi mewujudkan idea berkaitan pembelajaran organisasi seperti yang dikemukakan oleh Argyris dan Schon (1978). Kriteria ini penting kerana sebuah organisasi adalah sebagai satu unit dalam suatu kajian prestasi dan pelaksanaan pengubahsuaian dalam pendidikan berikutnya (Calder, 1994). Hal ini kerana dalam organisasi pendidikan, khususnya sekolah begitu memerlukan penilaian program secara formal seperti yang dijelaskan dalam kajian Guttentag dan Saar (1997).


Di Malaysia, penilaian pelaksanaan Program MBM adalah penting kerana ia merupakan satu elemen pengurusan yang membantu *stakeholder* mengenal pasti berkesan dan cekap program tersebut. Penilaian pelaksanaan program yang disediakan oleh agensi kerajaan dalam pelaksanaan Bajet Berasaskan Keberhasilan (OBB) membantu agensi-agensi tersebut dan perbendaharaan memantau prestasi setiap aktiviti dan seterusnya mengambil apa juga tindakan jangka pendek yang perlu bagi menyelesaikan masalah yang timbul (Pekeliling Perbendaharaan, 2012). Walau bagaimanapun, maklumat dalam perjanjian program tidak mencukupi untuk membolehkan Pegawai Pengawal mengambil tindakan yang lebih berkesan serta membuat keputusan pada masa akan datang terhadap sesuatu program atau aktiviti, jika tidak melakukan penilaian yang mendalam terhadap sesuatu program. Dengan demikian, konsep OBB perlu dilaksanakan kepada setiap program sekurang-kurangnya sekali dalam lima tahun mengikut rancangan penilaian yang telah ditentukan oleh kementerian berkenaan (Pekeliling Perbendaharaan, 2012).

Hasil daripada penilaian awal peringkat pelaksanaan program MBM yang sedang dilaksanakan akan dapat menilai status pelaksanaan program yang dijalankan, di samping mensejajarkan landasan yang betul dan melakukan proses penambahbaikan sekiranya program tersebut ingin dilaksanakan pada masa akan datang atau sebaliknya. Hal ini kerana, tujuan penilaian pelaksanaan program adalah untuk tindakan pembetulan dan penyesuaian organisasi itu sendiri (Pekeliling Perbendaharaan, 2012) serta menjamin keberkesanan kos program.

METODOLOGI KAJIAN


Kaedah dan Tatacara Kajian

Modus operandi kajian berbentuk *interaction survey method* dengan menetapkan secara rawak sistematik berstrata mengikut prinsip asas lokasi sekolah berdasarkan negeri, jenis sekolah rendah dan menengah dan kumpulan sasaran dalam Program MBM. Algorithme kajian ini melibatkan dua fasa iaitu sesi penilaian dan temu bual.



Rajah 1: Langkah Pelaksanaan Fasa 1(Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Program BM)

Rajah 1 menunjukkan carta alir panduan pelaksanaan dan penilaian Program MBM bagi Fasa 1. Kelima-lima sesi yang ditunjukkan dalam rajah tersebut merupakan sesi penilaian yang perlu dilaksanakan dalam kajian ini dalam proses mendapatkan data berkaitan program MBM. Sesi penilaian ini dilakukan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan kesediaan responden dalam menjawab dan memberi respons terhadap penilaian yang dilakukan di sekolah tersebut.



Rajah 2: Langkah Pelaksanaan Fasa 2 (Temu Bual)

Rajah 2 menunjukkan proses temu bual bersama pegawai JPN/PPD, pengetua/guru besar dan guru Bahasa Malaysia. Soalan temu bual yang dikemukakan adalah berlainan bagi setiap responden. Tujuan fasa 2 adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci terhadap pelaksanaan Program MBM di sekolah dan memberi idea serta perspektif yang berlainan dalam menjayakan Program MBM ini.

Instrumen Kajian

Kajian mengandungi empat set instrumen ujian standard bahasa Malaysia sebagai prosedur pengumpulan data. Set ujian standard diuji ke atas dua kategori responden. Set ini dibina dalam kajian dengan bantuan pakar mata pelajaran berkaitan. Manakala instrumen berkaitan program MBM dibina untuk kajian ini.

Jadual 1: Set Komprehensif Instrumen Penilaian Program MBM

Bil	Set Instrumen	Bilangan Instrumen	Responden
1	P1: Instrumen Interaksi Pentadbir Pengurusan Pentadbiran.	1	Pengetua/Guru Besar
2	G1: Instrumen Interaksi Guru Latihan profesional, kualiti guru, perancangan dan tindakan, karakter guru, akademik, kokurikulum, prestasi PdP, amalan pengajaran, efikasi murid dan persekitaran pembelajaran.	1	Guru Bahasa Malaysia
3	M3: Instrumen Nilai Personal dan Etika (NPE) Murid Pencerapan Pembelajaran.	1	Murid (1 Kelas)
4	G4: Autentik Guru.	1	Seorang Guru Bahasa Malaysia
5	M1 & G2: Ujian Tulisan.	2	Guru Bahasa Malaysia dan Murid 1 Kelas.
6	M2 & G3: Ujian Lisan.	2	Guru Bahasa Malaysia dan Murid 1 Kelas.
7	P2, G5 & M4: Instrumen Temu Bual.	3	Wakil JPN / PPD / Pengetua / Guru Besar / Guru BM

Reka bentuk instrumen kajian adalah berbentuk *double layer rubric* bagi pengurusan pentadbiran sekolah, perancangan dan pelaksanaan Program MBM. Dalam situasi ini, guru memerlukan jangka masa perbincangan yang agak panjang dengan merujuk kepada eviden daripada dokumen sah sebelum memberi responden daripada satu item ke item yang seterusnya.

Borang Soal Selidik

Borang soal selidik dibahagikan kepada dua set iaitu P1 dan G1. Borang soal selidik P1 merupakan soal selidik pentadbir yang perlu dijawab oleh pengetua atau guru besar sekolah. Borang Soal Selidik Pentadbir (P1) terbahagi kepada enam bahagian seperti berikut:

Jadual 2: Borang Soal Selidik Pentadbir Sekolah

Bahagian	Dimensi	Bilangan Pernyataan
	Latar Belakang Responden	8
A	Keperluan Asas	
	A1: Fizikal	6
	A2: Sumber Manusia	1
	A3: Latihan	1
B	Perancangan Proses	4
C	Pelaksanaan Proses	5
D	Pemantauan	
	D1: Fizikal	7
	D2: Sumber Manusia	1
	D3: Akademik dan kokurikulum	2
E	Pentadbiran	
	E1: Ruang	1
	E2: Kewangan	3

Manakala Borang G1 pula merupakan soal selidik guru yang perlu dijawab guru Bahasa Malaysia. Borang Soal Selidik Guru Bahasa Malaysia (G1) terbahagi kepada tujuh bahagian seperti jadual di bawah:-

Jadual 3: Pembahagian Borang Soal Selidik Bahasa Malaysia

Bahagian	Dimensi	Bilangan Pernyataan
	Latar Belakang Responden	8
A	Input	
	A1: Latihan	5
	A2: Pengetahuan dan Kemahiran	3
	A3: Sumber Manusia	4
	A4: Sumber Bukan Manusia	2
B	Perancangan	
	B1: Guru	4
	B2: Panitia Bahasa Malaysia	3
C	Pelaksanaan	
	C1: Aktiviti	3
	C2: Berbahasa (Kecekapan)	7
	C3: Penilaian Pembelajaran	5
	C4: Pemantauan	4
D	Kendiri Guru	
	D1: Kepercayaan Terhadap Program MBM	3
	D2: Sikap Guru Terhadap Program MBM	3
	D3: Komitmen Terhadap Program MBM	3
E	E1: Pendekatan PdP	20
	E2: Aktiviti Bahasa Malaysia	11
F	Efikasi Murid	5

Skala respon digunakan bagi Borang Soal Selidik P1 dan G1 adalah 0=tidak dan 1=ya. Selain itu skala 0=tidak, 1=sebahagian dan 2=sepenuhnya turut digunakan. Kedua-dua skala adalah bergantung kepada soalan yang dikemukakan dalam Borang Soal Selidik Pentadbir (P1) dan Guru Bahasa Malaysia (G1). Kesemua pernyataan di dalam borang soal selidik berbentuk *double layer rubric* di mana setiap darinya mempunyai sekurang-kurangnya lima item. Soalan terbuka turut dikemuka, contohnya Bahagian E1: Pentadbiran – Ruang (bagi kedua-dua borang soal selidik yang digunakan).

Set Ujian Bertulis

Terdapat dua set ujian bertulis yang telah disediakan dalam kajian yang dijalankan ini yang berbeza mengikut kategori kumpulan responden. Markah maksimum bagi ujian bertulis guru dan murid (sekolah rendah dan menengah) adalah 20 markah.

Set ujian bertulis yang pertama adalah bagi murid sekolah rendah. Murid tahun dua atau tahun empat telah diberikan satu siri gambar yang bertemakan “Alam Sekitar”. Melalui siri gambar yang diberikan, murid ini (Tahun 2 atau Tahun 4) diminta untuk membuat tiga ayat berdasarkan gambar tersebut. Tujuan pemilihan ujian bertulis dalam format adalah untuk mengenal pasti sejauh mana murid boleh berfikir dan dapat membina idea sendiri berdasarkan gambar yang diberikan.

Set ujian bertulis yang kedua pula adalah bagi murid sekolah menengah. Murid tingkatan dua atau empat diberikan satu siri gambar yang bertemakan “Kitar Semula”. Murid perlu membina tiga perenggan ayat berdasarkan gambar yang diberikan. Penceritaan murid tersebut termasuklah barang-barang yang boleh di kitar semula dan faedah yang diperoleh apabila setiap individu mengamalkan

kitar semula. Set ujian bertulis yang sama ini juga turut diberikan kepada guru sekolah rendah dan menengah. Guru-guru perlu membuat satu karangan (lebih kurang 150 patah perkataan) berdasarkan gambar bersiri “Kitar Semula” tersebut.

Set Ujian Lisan

Sistem penilaian ujian lisan guru adalah berdasarkan kepada CEFR (*Common European Framework of Reference*) di mana A1 adalah terendah dan diikuti dengan A2, B1, B2, C1 dan C2 adalah tahap tertinggi dalam menetapkan kebolehan responden guru tersebut (markah maksimum=20, markah minimum=0).

Pencerapan

Penilaian pencerapan terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid dilakukan bagi satu kelas di setiap sekolah. Kelas yang dipilih adalah murid yang sama menjalankan ujian bertulis dan ujian lisan. Pengajaran guru akan dinilai dalam kajian ini dengan menggunakan Borang Penilaian Autentik Guru (G4). Manakala, pembelajaran murid pula akan dinilai menggunakan Borang Nilai Personal Etika (NPE) murid (M3).

Protokol Temu Bual

Temu bual merupakan salah satu kaedah yang mudah dan selalu digunakan bagi mengukur kajian secara lisan. Kajian ini akan mendapatkan data dan maklumat daripada responden melalui berhubung terus secara bersemuka, perbualan telefon atau melalui sebarang alat komunikasi seperti emel atau sistem pesanan ringkas. Antara kebaikan kaedah ini adalah ianya fleksibel di mana individu yang ditemu bual boleh menerangkan perkara yang kurang jelas dengan lebih terperinci. Selain itu, penemu bual juga boleh membuat pemerhatian terhadap responden yang ditemu bual dan dengan ini boleh menentukan sesuatu perkara berdasarkan reaksi yang diberi. Temu bual juga boleh berlaku melalui kaedah perbualan biasa iaitu pertukaran pandangan dan pendapat antara kedua-dua pihak (Mohamad Najib, 1999).

Analisis Data

Perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) digunakan bagi memproses data. Pendekatan statistik yang digunakan melibatkan skor min, peratus dan diperkukuhkan dengan eviden sokongan yang terdapat pada instrumen *double layer*. Begitu juga perkiraan kos pelaksanaan Dasar Program MBM dengan bilangan guru Bahasa Malaysia yang terlibat. Analisis korelasi (*Pearson-R*) digunakan untuk melihat hubungan di antara peranan kepimpinan sekolah, peranan guru Bahasa Malaysia terhadap kompetensi (guru Bahasa Malaysia dan murid). Ketetapan statistik ini dapat menerangkan status elemen berkaitan polisi serta sumbangan pemboleh ubah yang baik secara langsung dengan dasar yang ditetapkan seperti terkandung dalam pekeliling Dasar MBMMBI.

ANALISIS DAPATAN

Profil Responden

Responden yang terlibat di dalam kajian adalah pengetua sekolah menengah, guru besar sekolah rendah, guru Bahasa Malaysia sekolah rendah dan menengah, murid sekolah rendah dan menengah.

Profil Pentadbir (Pengetua dan Guru Besar)

Peratus dan bilangan kepimpinan sekolah mengikut jantina ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Bilangan Kepimpinan Sekolah (Pengetua/Guru Besar) Mengikut Jantina

Jantina	Sek. Ren.		Sek. Men.		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Lelaki	8	61.5	10	66.7	18	64.3
Perempuan	5	38.5	5	33.3	10	35.7
Jumlah	13	100	15	100	28	100

Jadual 4 menunjukkan bilangan kepimpinan sekolah mengikut jantina antara sekolah rendah dan menengah. Bilangan pentadbir lelaki sekolah rendah ialah 8 orang (61.5%) dan pentadbir perempuan 5 orang (38.5%). Manakala bilangan pentadbir lelaki sekolah menengah 10 orang (66.7%) dan pentadbir perempuan ialah 5 orang (33.3%). Jumlah keseluruhan pentadbir yang terlibat dalam kajian ini ialah pentadbir lelaki ialah 18 orang (64.3%) dan pentadbir perempuan ialah 10 orang (35.7%).

Profil Guru Bahasa Malaysia

Peratusan dan bilangan pentadbir mengikut jenis sekolah dan etnik ditunjukkan pada Jadual 5 dan 6.

Jadual 5: Bilangan Guru Bahasa Malaysia Mengikut Kategori Sekolah

Kategori Sekolah	Bilangan	Peratus (%)
Sekolah Rendah		
Sekolah Kebangsaan (SK)	54	26.1
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	7	3.4
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	3	1.4
Sekolah Kebangsaan (Felda)	10	4.8
Sekolah Kebangsaan (Asli)	15	7.2
Sekolah Kebangsaan (Pulau)	10	4.8
Sekolah Menengah		
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	35	16.9
Sek. Men. Keb. Agama (SMKA)	28	13.5
Sek. Men. Jenis Keb. Cina (SMJKC)	19	9.2
Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	11	5.3
Kolej Vokasional	6	2.9
Sekolah Menengah Teknik	4	1.9
Sekolah Seni	5	2.4
Jumlah	207	100

Data Jadual 5 menunjukkan bilangan guru Bahasa Malaysia sekolah kebangsaan mewakili peratus tertinggi sebanyak 54 orang guru (26.1%), manakala peratusan tertinggi sekolah menengah SMK sebanyak 35 orang guru (16.9%). Jumlah keseluruhan guru Bahasa Malaysia sekolah yang terlibat adalah sebanyak 207 orang guru Bahasa Malaysia. Bilangan guru Bahasa Malaysia berdasarkan etnik ditunjukkan pada Jadual 6.

Jadual 6: Bilangan Guru Bahasa Malaysia Berdasarkan Etnik

Etnik	Sek. Ren.		Sek. Men.		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Melayu	79	79.0	94	87.9	173	83.6
Cina	3	3.0	7	6.5	10	4.8
India	3	3.0	-	-	3	1.4

Lain-lain	15	15.0	6	5.6	21	10.1
Jumlah	100	100	107	100	207	100

Jadual 6 menunjukkan bilangan guru bahasa Malaysia mengikut etnik sekolah rendah dan menengah. Bilangan guru etnik Melayu di sekolah rendah ialah 79 orang guru (79.0%), guru etnik Cina ialah 3 orang guru (3.0%), guru etnik India ialah 3 orang guru (3.0%) dan lain-lain etnik ialah 15 orang guru (15.0%). Manakala bilangan guru bahasa Malaysia mengikut etnik sekolah menengah bagi guru Melayu ialah 94 orang (87.9%), 7 orang (6.5%) berbangsa Cina dan lain-lain etnik ialah 6 orang (5.6%). Jumlah keseluruhan guru Bahasa Malaysia yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru etnik Melayu 173 orang (83.6%), etnik Cina 10 orang (4.8%), etnik India 3 orang (1.4%) dan lain-lain etnik 21 orang (10.1%).

Profil Murid

Berikut adalah peratusan dan bilangan murid mengikut lokasi dan jenis sekolah pada Jadual 7 dan 8.

Jadual 7: Bilangan Murid Berdasarkan Lokasi Sekolah

Lokasi	Bilangan	%
Bandar	391	60
Luar Bandar	261	40
Jumlah	652	100

Dapatan di atas menunjukkan jumlah bilangan murid yang terlibat seramai 652 orang. Jumlah murid kategori bandar adalah seramai 391 orang murid (60.0%) dan luar bandar 261 orang murid (40.0%). Manakala, bilangan murid mengikut jenis sekolah rendah dipaparkan pada Jadual 8.

Jadual 8: Bilangan Murid Berdasarkan Peringkat Sekolah

Peringkat Sekolah	Bilangan	%
Sekolah Rendah	342	52.5
Sekolah Menengah	310	47.5
Jumlah	652	100

Jadual 8 memaparkan sebanyak 342 orang murid (52.5%) sekolah rendah dan sekolah menengah 310 orang murid (47.5%).

Objektif Kajian 1: Peranan Kepimpinan Pengetua/Guru Besar dalam Melaksanakan Program MBM

Peranan kepimpinan sekolah (pengetua dan guru besar) dikategorikan kepada empat (4) dimensi dan setiap dimensi mengandungi aspek tertentu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9: Skor Min Dimensi dan Aspek Peranan Kepimpinan Sekolah

Dimensi	Sek. Ren.	Sek. Men.	Aspek	Sek. Ren.	Sek. Men.
Keperluan Asas (3.41)	3.14	3.65	Fizikal (3.66)	3.18	4.08
			Sumber Manusia (4.04)	3.92	4.13
			Latihan (2.54)	2.31	2.73
Perancangan (3.43)	2.90	3.89	Proses Perancangan (3.43)	2.90	3.89
Pelaksanaan (3.18)	2.79	3.52	Proses Pelaksanaan (3.18)	2.79	3.52

Pemantauan (3.48)	3.04	3.86	Fizikal (3.40)	2.92	3.81
			Sumber Manusia (3.32)	2.77	3.80
			Koakademik & Kokurikulum (3.71)	3.42	3.97

Data dalam Jadual 9 menunjukkan kepimpinan sekolah rendah dan menengah tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai penggerak bagi menjayakan proses PdP. Pada amnya, penyediaan keperluan asas sekolah (min=3.41; tahap sederhana) merangkumi tiga aspek iaitu kemudahan fizikal (min=3.66; tahap sederhana). Namun begitu, secara perbandingan skor min kemudahan fizikal sekolah menengah adalah lebih baik (4.08; tahap tinggi) berbanding skor min kemudahan sekolah rendah (3.18; tahap sederhana). Walau bagaimanapun, sejumlah 66.7% pengetua dan 92.3% guru besar menyatakan Jawatankuasa MBM sekolah tidak terdiri daripada Jurulatih Utama. Selain itu, 53.3% pengetua dan 84.6% guru besar menyatakan surat pekeliling berkaitan pelaksanaan Program MBM yang telah dibincangkan bersama guru Bahasa Malaysia tidak memberi penekanan kepada penyediaan bajet.

Peranan Guru Bahasa Malaysia dalam Melaksanakan Program MBM

Peranan guru Bahasa Malaysia dalam melaksanakan Program MBM merangkumi dimensi input, perancangan, pelaksanaan dan kendiri guru mengikut aspek dan peringkat sekolah ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10: Skor Min Dimensi dan Aspek Peranan Guru Bahasa Malaysia

Dimensi	Sek. Ren.	Sek. Men.	Aspek	Sek. Ren.	Sek. Men.
Input (2.20)	3.21	2.19	Latihan (1.97)	2.10	1.86
			Pengetahuan & Kemahiran (3.05)	3.92	4.13
			Sumber Manusia (1.99)	2.15	1.83
			Sumber Bukan Manusia (1.79)	1.68	1.90
			Guru Bahasa Malaysia (2.67)	2.94	2.41
Perancangan (2.58)	2.74	2.43	Panitia Bahasa Malaysia (2.49)	2.53	2.46
			Aktiviti (3.08)	3.06	3.09
Pelaksanaan (2.85)	2.93	2.76	Kecekapan Berbahasa (3.16)	3.14	3.18
Pemantauan (3.48)	3.04	3.86	Penilaian Pembelajaran (3.14)	3.64	3.25
			Pemantauan (1.71)	1.90	1.53
			Kepercayaan/Keyakinan (2.94)	3.14	2.75
			Sikap (2.88)	2.95	2.82
Kendiri Guru (3.17)	3.33	3.02	Komitmen (3.68)	3.89	3.49

Pada amnya Jadual 10, menunjukkan semua guru Bahasa Malaysia sama ada sekolah rendah dan menengah kurang mendapat pendedahan yang secukupnya dari segi latihan (min=1.97; tahap rendah) terhadap pelaksanaan Program MBM. Hal ini mengakibatkan pengetahuan dan kemahiran tentang Program MBM belum mencapai tahap yang diharapkan. Guru yang ditemu bual kurang mengetahui hal-hal berkaitan pekeliling dan prosedur yang terkandung dalam portal Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada masa yang sama, melalui hasil pemerhatian dan temu bual penyelidik bersama guru Bahasa Malaysia mendapati sesetengah dokumen yang berkaitan dengan latihan difailkan. Akan tetapi, dokumen tersebut kurang dibaca dan dirujuk oleh responden (guru Bahasa Malaysia).

Input Guru Bahasa Malaysia

Rumusan peratus tempoh masa penyelaras Program MBM sekolah menyampaikan kursus MBM kepada guru Bahasa Malaysia, kekerapan mesyuarat, deskripsi tugas, kekerapan pemantauan, ditunjukkan dalam Jadual 11 hingga Jadual 14.

Jadual 11: Tempoh Masa Penyelaras Program MBM Sekolah Menyampaikan Kursus MBM Kepada Guru Bahasa Malaysia

Tempoh Masa	Sek. Ren.		Sek. Men.		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tiada	48	48.0	71	66.4	119	57.5
Kurang 8 jam – 3 hari	52	52.0	36	33.6	88	42.5
Jumlah	100	100	107	100	207	100

Jadual 11 memaparkan input tempoh masa penyelaras Program MBM sekolah menyampaikan kursus MBM kepada guru Bahasa Malaysia. Peratus dapatan sekolah rendah menunjukkan 48 orang guru (48%) menyatakan tiada langsung menerima kursus daripada Penyelaras Program MBM sekolah, 52 orang guru (15%) kurang 8 jam hingga 3 hari (52%). Manakala sekolah menengah, 71 orang guru (66.4%) tidak langsung mengikuti kursus perancangan dan pelaksanaan MBM, 36 orang guru (33.6%) kurang 8 jam hingga 3 hari. Secara keseluruhan, Penyelaras Program MBM tidak menyampaikan kursus MBM kepada guru Bahasa Malaysia dan ini diakui 119 orang guru Bahasa Malaysia (57.5%) di dalam kajian. Kekerapan mesyuarat MBM diadakan di sekolah dipaparkan pada Jadual 12.

Jadual 12: Kekerapan Mesyuarat Program MBM diadakan di Sekolah

Kekerapan Mesyuarat	Sek. Ren.		Sek. Men.		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tiada	49	49.0	61	57.0	110	53.1
1 hingga 4 kali setahun	51	51.1	45	42.1	96	42.5
Sebulan sekali	-	-	1	0.9	1	0.5
Jumlah	100	100	107	100	207	100

Jadual 12 menilai kekerapan mesyuarat Program MBM diadakan di sekolah. Peratus dapatan kekerapan mesyuarat Program MBM diadakan di sekolah rendah menunjukkan 49 orang guru (49%) menyatakan tiada langsung mesyuarat diadakan, 51 orang guru (51%) mesyuarat diadakan 1 hingga 4 kali setahun, tidak ada mesyuarat dijalankan sebulan sekali bagi membincangkan isu berkaitan memartabatkan bahasa Malaysia.

Manakala, guru sekolah menengah pula menyatakan 61 orang (57%) tiada langsung menghadiri mesyuarat, 45 orang guru (42.1%) mesyuarat 1 hingga 4 kali setahun mesyuarat diadakan, hanya seorang (0.9%) guru menyatakan mesyuarat diadakan pada setiap bulan bagi membincangkan isu berkaitan MBM. Secara keseluruhan, kekerapan mesyuarat MBM pada tahap sangat rendah.

Jadual 13: Deskripsi Tugas Program MBM di Sekolah

Deskripsi Tugas	Sek. Ren.		Sek. Men.		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tiada	24	24.0	29	27.1	53	25.6
Taklimat Penyelaras	4	4.0	2	1.9	6	2.9
Mesyuarat Program MBM	7	7.0	9	8.4	16	7.7
Kursus Dalaman	15	15.0	7	6.5	22	10.6
Mesyuarat Panitia	31	31.0	46	43.0	77	37.2
Mesyuarat Sekolah	19	19.0	14	13.1	33	15.9
Jumlah	100	100	107	100	207	100

Jadual 13 menunjukkan deskripsi tugas guru bagi program MBM yang diadakan di sekolah. Dapatan peratusan deskripsi tugas guru sekolah rendah menunjukkan 24 orang (24%) tiada langsung

diberikan deskripsi untuk guru Bahasa Malaysia, 4 orang guru (4%) diberikan deskripsi tugas ketika taklimat penyelarasan, 7 orang (7%) ketika mesyuarat MBM, 15 orang (15%) kursus dalaman, 31 orang (31%) perbincangan deskripsi MBM dalam mesyuarat panitia dan 19 orang (19%) melalui mesyuarat sekolah. Manakala bagi sekolah menengah pula, 29 orang guru Bahasa Malaysia (27.1%) menyatakan tiada langsung menerima deskripsi tugas untuk guru Bahasa Malaysia, 2 orang guru (1.9%) diberikan deskripsi tugas ketika taklimat penyelarasan, 9 orang (8.4%) mesyuarat MBM, 7 orang (6.5%) kursus dalaman, 46 orang (43%) perbincangan deskripsi MBM dalam mesyuarat panitia dan 14 orang (13.1%) ketika mesyuarat sekolah.

Secara keseluruhannya, sejumlah 77 orang guru Bahasa Malaysia (37.2%) menyatakan deskripsi tugas Program MBM di sekolah telah dibincangkan dalam mesyuarat panitia. Walau bagaimanapun, terdapat 53 orang guru (25.6%) mengakui bahawa mereka tiada menerima sebarang deskripsi tugas guru MBM. Dalam sesi perbualan berkelompok, guru Bahasa Malaysia mengutarakan bahawa guru kurang sedar dengan pelaksanaan Program MBM. Semua kegiatan yang dijalankan adalah mengikut perancangan panitia yang lebih mementingkan peperiksaan. Kekerapan pemantauan Program MBM ke atas guru Bahasa Malaysia ditunjukkan pada Jadual 14.

Jadual 14: Kekerapan Pemantauan Program MBM ke Atas Guru Bahasa Malaysia

Kekerapan Pemantauan	Sek. Ren.		Sek. Men.		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Tiada	18	18.0	46	43.0	64	30.9
Tidak Pasti	37	37.0	29	27.1	66	31.9
Sekali sahaja sejak MBM dilaksanakan	1	1.0	2	1.9	3	1.4
2 hingga 3 kali setahun	-	-	-	-	-	-
Setahun sekali	12	12.0	2	1.9	14	6.8
Sebulan sekali	32	32.0	28	26.2	60	29.0
Jumlah	100	100	107	100	207	100

Jadual 14 menilai kekerapan pemantauan Program MBM guru di sekolah. Dapatan peratus kekerapan pemantauan bagi sekolah rendah menunjukkan 18 orang guru Bahasa Malaysia (18%) menyatakan tiada langsung pemantauan dilaksanakan. Terdapat juga 37 orang guru (37%) tidak pasti sama ada pernah dipantau, 1 orang (1%) sekali sahaja sejak Program MBM dilaksanakan, 12 orang (12%) setahun sekali dan 32 orang (32%) sebulan sekali. Manakala, dapatan peratus kekerapan pemantauan bagi sekolah menengah menunjukkan 46 orang guru (43%) menyatakan tiada langsung pemantauan dilaksanakan, 29 orang (27.1%) tidak pasti, 2 orang (1.9%) sekali sahaja sejak MBM dilaksanakan, 2 orang (1.9%) setahun sekali dan 28 orang (26.2%) sebulan sekali. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan 130 orang guru (62.8%) menyatakan guru tiada dan tidak pasti sama ada pemantauan Program MBM dilakukan kepada guru.

Perancangan

Rumusan dimensi perancangan adalah merangkumi aspek perancangan guru Bahasa Malaysia dan Panitia BM dalam melaksanakan Program MBM berdasarkan peringkat sekolah ditunjukkan dalam Jadual 15.

Jadual 15: Tahap Perancangan Guru Bahasa Malaysia Mengikut Sekolah (N=207 guru Bahasa Malaysia)

Tahap	Peringkat Sekolah		Keseluruhan
	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	
Rendah	44.0% (44)	50.5% (54)	47.3% (98)

Tinggi	30.0% (30)	26.1% (28)	28.0% (58)
---------------	------------	------------	------------

Jadual 15 menunjukkan peratus perancangan peratus guru Bahasa Malaysia dalam melaksanakan program MBM berdasarkan peringkat sekolah. Perangkaan menunjukkan perancangan 47.3% guru Bahasa Malaysia pada tahap rendah iaitu merangkumi 44% guru sekolah rendah dan 50.4% guru sekolah menengah.

Manakala, sejumlah 28% guru Bahasa Malaysia pada tahap perancangan tinggi yang merangkumi 30.0% guru sekolah rendah dan 26.1% guru sekolah menengah. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan terdapat hampir sebahagian (47.3%) guru Bahasa Malaysia pada tahap rendah dalam membuat perancangan pelaksanaan dasar program MBM di sekolah.

Pelaksanaan

Rumusan peratus pelaksanaan program MBM yang merangkumi aktiviti, kecekapan berbahasa, penilaian pembelajaran dan pemantauan mengikut jenis sekolah ditunjukkan dalam Jadual 16.

**Jadual 16: Tahap Pelaksanaan Guru Bahasa Malaysia Mengikut Sekolah
(N=207 Guru Bahasa Malaysia)**

Tahap	Peringkat Sekolah		Keseluruhan
	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	
Rendah	26.0% (26)	43.9% (47)	35.3% (73)
Tinggi	29.0% (29)	29.0% (31)	29.0% (60)

Jadual 16 menunjukkan peratus pelaksanaan program MBM mengikut jenis sekolah. Perangkaan menunjukkan pelaksanaan 35.3% guru Bahasa Malaysia pada tahap rendah iaitu merangkumi 26% guru sekolah rendah dan 43.9% guru sekolah menengah.

Pelaksanaan guru Bahasa Malaysia pada tahap tinggi adalah berjumlah 29% iaitu merangkumi 29% guru sekolah rendah dan 29% guru sekolah menengah. Oleh itu, dapat disimpulkan hanya segelintir (29.0%; 60 orang) guru Bahasa Malaysia yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan dasar program MBM di sekolah.

Kendiri Guru

Rumusan peratus sendiri guru Bahasa Malaysia yang merangkumi kepercayaan, sikap dan komitmen dalam melaksanakan program MBM mengikut jenis sekolah ditunjukkan dalam Jadual 17.

**Jadual 17: Tahap Kendiri Guru Bahasa Malaysia Mengikut Sekolah
(N=207 Guru Bahasa Malaysia)**

Tahap	Peringkat Sekolah		Keseluruhan
	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	
Rendah	21.0% (21)	35.5% (38)	28.5% (59)
Tinggi	44.0% (44)	36.4% (39)	40.1% (83)

Jadual 17 menunjukkan peratus pencapaian sendiri guru Bahasa Malaysia berdasarkan peringkat persekolahan. Perangkaan menunjukkan sejumlah 28.5% guru Bahasa Malaysia berada pada tahap sendiri guru yang rendah iaitu merangkumi 21% guru sekolah rendah dan 35.5% guru sekolah menengah.

Walau bagaimanapun, terdapat 40.1% guru Bahasa Malaysia pada tahap tinggi iaitu merangkumi 44.0% guru sekolah rendah dan 36.4% guru sekolah menengah. Ini dibuktikan apabila sejumlah 44.4% guru Bahasa Malaysia menyatakan pelaksanaan program MBM terbukti memberi

kelebihan apabila Bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa komunikasi. Secara keseluruhannya, ini menunjukkan terdapat sejumlah 28.5% guru yang kurang percaya, bersikap positif dan memberi komitmen dalam melaksanakan dasar program MBM di sekolah.

Pendekatan PdP dan Aktiviti Bahasa Malaysia yang digunakan Guru Bahasa Malaysia

Rumusan peratus pendekatan PdP dan aktiviti bahasa Malaysia yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Malaysia ditunjukkan dalam Jadual 18. Dalam Jadual 18, peratusan pendekatan sekolah rendah yang tertinggi adalah perbincangan (92%) dan diikuti dengan pendekatan berhibur (91%). Manakala bagi sekolah menengah, peratusan pendekatan yang tertinggi adalah perbincangan (97.2%) dan diikuti dengan kolaborasi (84.1%).

Secara keseluruhannya, pendekatan yang biasa digunakan (melebihi 50%) oleh guru Bahasa Malaysia dalam PdP adalah simulasi, main peranan, demonstrasi/tunjuk cara, penyampaian guru berbantuan bahan multimedia, penyampaian tradisional, penyelesaian masalah, perbincangan, kolaborasi (cth: berkumpulan), permainan, rujukan internet, dan berhibur (iaitu 11 pendekatan daripada 20 pendekatan yang disenaraikan). Aktiviti bahasa Malaysia yang dilakukan oleh guru bahasa Malaysia dipaparkan pada Jadual 19.

Jadual 18: Pendekatan Biasa Guru Bahasa Malaysia dalam PdP

Bil	Pendekatan	Sek. Ren.	Sek. Men.	Keseluruhan
1	Simulasi	68.0%	47.7%	57.5%
2	Main peranan (cth: lakonan)	83.0%	81.3%	82.1%
3	Kaedah penemuan (<i>discovery method</i>)	6.0%	13.1%	9.7%
4	Inkuiri (penemuan)	30.0%	22.4%	26.1%
5	Demonstrasi / tunjuk cara	83.0%	64.5%	73.4%
6	Penyampaian guru berbantuan bhn multimedia	52.0%	61.7%	57.0%
7	Kajian kes	7.0%	12.1%	9.7%
8	Penyampaian tradisional	38.0%	64.5%	51.7%
9	Penyelesaian masalah	50.0%	66.4%	58.5%
10	Perbincangan	92.0%	97.2%	94.7%
11	Kecerdasan pelbagai (cth: logik)	43.0%	53.3%	48.3%
12	Kolaborasi (cth: berkumpulan)	67.0%	84.1%	75.8%
13	Permainan (cth: <i>puzzle</i>)	64.0%	51.4%	57.5%
14	Rujukan internet	48.0%	66.4%	57.5%
15	Bertema	52.0%	35.5%	43.5%
16	Berhibur (cth: nyanyian)	91.0%	63.6%	76.8%
17	Pembelajaran luar bilik darjah (cth: lawatan, perkhemahan).	37.0%	35.2%	30.9%
18	Aplikasi (cth: analisis, sintesis)	18.0%	28.0%	23.2%
19	Masteri (menguasai unit)	30.0%	30.8%	30.4%
20	Lain-lain	1.0%	2.8%	1.9%

Jadual 19 peratusan aktiviti sekolah rendah yang tertinggi adalah bercerita (89%) dan diikuti dengan aktiviti karnival minggu bahasa Malaysia (69%). Manakala bagi sekolah menengah, peratusan aktiviti yang tertinggi adalah deklamasi puisi (78.5%) dan diikuti dengan pidato dan forum remaja (74.8%). Secara keseluruhannya, aktiviti BM yang biasa digunakan (melebihi 50%) oleh guru Bahasa Malaysia dalam pelaksanaan program MBM adalah pidato, pesta pantun, bercerita, deklamasi puisi, dan karnival/minggu BM (iaitu 5 aktiviti daripada 15 aktiviti yang disenaraikan).

Jadual 19: Aktiviti Bahasa Malaysia oleh Guru Bahasa Malaysia

Pendekatan	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Keseluruhan
1. Pidato	35.0%	74.8%	55.6%
2. Forum Remaja	2.0%	74.8%	39.6%
3. Pesta Pantun	31.0%	68.2%	50.2%
4. Bercerita	89.0%	48.6%	68.1%
5. Syarahan	40.0%	51.4%	45.9%
6. Drama KOMSAS	4.0%	59.8%	32.9%
7. Bicara Berirama	17.0%	49.5%	33.8%
8. Deklamasi Puisi	68.0%	78.5%	73.4%
9. Pertandingan Sahibba	32.0%	54.2%	43.5%
10. Perkhemahan Penulis Muda	1.0%	8.4%	4.8%
11. Pembinaan Bakat Tunas Muda	-	9.3%	4.8%
12. Peraduan Menulis Surat 1Malaysia	20.0%	53.3%	37.2%
13. Bahasa Bahasa Malaysia Ala Parlimen	-	60.7%	31.4%
14. Karnival/Minggu Bahasa Malaysia	69.0%	73.8%	71.5%
15. Lain-lain	8.0%	5.6%	6.8%

Kompetensi Murid dan Guru Bahasa Malaysia

Tahap kompetensi murid dan guru diperolehi melalui ujian bertulis, ujian lisan dan sesi pencerapan PdP di dalam kelas yang telah dijalankan oleh pengkaji. Hasil dapatan yang diperolehi telah dianalisis dan ditunjukkan dalam Jadual 20 dan Jadual 21.

Kompetensi Murid

Objektif Kajian 2: Menganalisis kompetensi murid dalam amalan berbahasa bahasa Malaysia;

Rumusan perbandingan pencapaian dan penguasaan murid sekolah rendah dan menengah dalam bahasa Malaysia dipaparkan pada Jadual 20.

Jadual 20: Perbandingan Pencapaian dan Penguasaan Pembelajaran Murid Sekolah Rendah dan Menengah

	Sek. Rendah	Sek. Menengah	Keseluruhan
Pembelajaran	65.3%	71.6%	68.4%
Ujian Bertulis Murid	38.4%	65.8%	53.2%
Ujian Lisan Murid	57.9%	68.9%	63.7%
Kompetensi Murid	55.4%	69.8%	63.2%

Jadual 20 menunjukkan perbandingan pencapaian dan penguasaan murid sekolah rendah dan menengah. Dapatan kajian menunjukkan pembelajaran murid sekolah rendah berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) adalah 65.3% (tahap harapan), manakala sekolah menengah pula 71.6% (tahap harapan). Secara keseluruhan pencapaian bagi pembelajaran murid sekolah rendah dan menengah 68.4% (tahap harapan). Seterusnya pencapaian ujian bertulis murid sekolah rendah dan menengah 38.4% (tahap lemah) dibandingkan sekolah menengah 65.8% (tahap harapan). Secara keseluruhan pencapaian ujian bertulis murid sekolah rendah dan menengah mencapai 53.2% (tahap memuaskan). Manakala ujian lisan guru sekolah rendah mencapai 57.9% (tahap memuaskan) dibandingkan dengan sekolah menengah 68.9% (tahap harapan). Secara keseluruhannya pencapaian penguasaan murid sekolah rendah dan menengah bagi ujian lisan murid adalah 63.7% (tahap harapan).

Secara keseluruhannya, tahap kompetensi murid adalah pada tahap HARAPAN (63.2%) (merujuk kepada Standard Kualiti Pendidikan oleh Jemaah Nazir). Dapatan juga menunjukkan tahap kompetensi murid di sekolah menengah (69.8%, tahap HARAPAN) adalah lebih baik berbanding murid sekolah rendah (55.4%, tahap MEMUASKAN).

Kompetensi Guru Bahasa Malaysia

Objektif Kajian 3: Menganalisis kompetensi guru dalam amalan penggunaan bahasa Malaysia

Rumusan perbandingan pencapaian dan penguasaan guru Bahasa Malaysia sekolah rendah dan menengah dalam bahasa Malaysia dipaparkan pada Jadual 21.

Jadual 21: Perbandingan Pencapaian dan Penguasaan Pengajaran Guru Bahasa Malaysia Sekolah Rendah dan Menengah

	Sek. Rendah	Sek. Menengah	Keseluruhan
Pengajaran	74.2%	67.4%	70.5%
Ujian Bertulis Guru	64.7%	81.1%	73.7%
Ujian Lisan Guru	82.1%	84.2%	83.2%
Kompetensi Guru	74.6%	78.3%	76.6%

Jadual 21 menunjukkan perbandingan pencapaian dan penguasaan guru Bahasa Malaysia sekolah rendah dan menengah. Dapatan kajian menunjukkan pengajaran guru sekolah rendah memperoleh 74.2% (tahap harapan), manakala guru sekolah menengah adalah 67.4% (tahap harapan). Secara keseluruhan pencapaian bagi pengajaran guru sekolah rendah dan menengah adalah 70.5% (tahap harapan). Bagi pencapaian ujian bertulis guru sekolah rendah adalah 65.7% (tahap harapan) berbanding dengan guru Bahasa Malaysia sekolah menengah iaitu 81.1% (tahap baik). Secara keseluruhan pencapaian ujian bertulis guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah adalah 73.7% (tahap harapan). Manakala ujian lisan guru sekolah rendah mencatat 82.1% (tahap baik) berbanding dengan guru sekolah menengah iaitu 84.2% (tahap baik). Rumusannya, pencapaian penguasaan guru Bahasa Malaysia sekolah rendah dan menengah bagi ujian lisan adalah 83.2% (tahap baik).

Perangkaan menunjukkan pengajaran guru sekolah rendah mencatat prestasi yang lebih baik berbanding guru sekolah menengah. Bagi ujian bertulis, pencapaian guru sekolah menengah menunjukkan prestasi pencapaian yang lebih baik. Manakala, bagi ujian lisan guru pula secara perbandingan prestasi guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah menunjukkan guru sekolah menengah lebih baik daripada guru sekolah rendah.

Secara keseluruhannya, tahap kompetensi guru adalah pada tahap HARAPAN (76.6%) (merujuk kepada Standard Kualiti Pendidikan oleh Jemaah Nazir). Perangkaan menunjukkan tahap kompetensi guru Bahasa Malaysia di sekolah menengah (78.3%) adalah lebih baik berbanding guru sekolah rendah (74.6%).

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Hasil kajian menjelaskan bahawa pelaksanaan proses PdP perlu mengikut spesifikasi masa yang telah ditentukan dan jumlah guru yang mencukupi. Dapatan menunjukkan, masih terdapat kekurangan guru opsyen Bahasa Malaysia di sekolah rendah dan menengah. Paling kritikal adalah di zon Sabah, Sarawak dan Labuan. Ketidacukupan guru opsyen Bahasa Malaysia perlu diatasi segera bagi memastikan dasar Program MBM dapat dilaksanakan dengan sempurna dan bersistematik ke arah prestasi penguasaan bahasa Malaysia yang cemerlang dalam kalangan murid dan guru sendiri.

Manakala bagi aspek latihan dan taklimat kepada kepimpinan sekolah berada pada tahap sederhana bagi guru besar sekolah rendah dan pengetua sekolah menengah. Kursus dan latihan program MBM hanya dirancang kepada Ketua Bidang/Ketua Panitia, Penyelaras Program MBM dan

guru Bahasa Malaysia. Guru besar dan pengetua perlu diberi maklumat yang cukup oleh KPM, JPN dan PPD mengikut jadual perancangan Buku Penerangan MBMMBI bagi menjelaskan tugas dan tanggungjawab sebagai pentadbir sekolah dalam menjayakan dasar program MBM. Aspek latihan dan taklimat untuk meningkatkan kompetensi guru Bahasa Malaysia juga pada tahap rendah. Dapatan menunjukkan sejumlah besar guru Bahasa Malaysia sekolah kurang mendapat pendedahan dalam melaksanakan program MBM, khususnya aspek memantapkan kompetensi guru Bahasa Malaysia melalui latihan yang dirancang. Bagi menjayakan Program MBM, pihak KPM perlu memberi perhatian serius untuk memberikan pendedahan dan latihan secukupnya kepada guru yang terlibat sebagaimana yang diuraikan dalam buku penerangan berkaitan program MBM.

Perancangan yang sistematik, pelaksanaan yang teratur dan kurang pendedahan latihan dan taklimat pelaksanaan program MBM kepada semua guru Bahasa Malaysia mengakibatkan guru tidak terlibat dalam perbincangan perancangan pelaksanaan program MBM. Pengetua dan guru besar perlu merancang, membimbing, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan program MBM mencapai objektif mengikut landasan yang betul seperti hasrat pihak KPM.

Pemantauan kepimpinan sekolah dalam aspek akademik dan kokurikulum mencapai tahap yang tinggi dan menjadi model penentuan amalan baik. Aktiviti akademik dipantau dari aspek penglibatan murid, kekerapan dan penglibatan guru. Aktiviti kokurikulum pula dipantau dari aspek penglibatan murid dan penglibatan guru dan sejajar dengan Strategi 8 iaitu melaksanakan pentaksiran dan pelaporan berperihal pencapaian murid dari aspek kognitif, psikomotor dan efektif.

Secara am, pengendalian dan penyimpanan dokumen berkaitan program MBM kurang teratur dan tidak disimpan dengan sistematik. Terdapat fail yang diwujudkan lebih daripada satu fail. Tiada bukti fail dibuka secara rasmi iaitu tidak direkodkan dalam buku daftar fail. Rumusannya, tiada perancangan dan pelaksanaan yang teratur dilakukan oleh pihak sekolah dalam pengurusan sistem fail mengikut standard SOP. Sewajarnya, sistem pengurusan fail di sekolah perlu sistematik bagi memastikan prosedur SOP dipatuhi semua pihak sekolah.

Pemantauan sumber manusia berada pada tahap sederhana. Berdasarkan pemerhatian dan interaksi, pihak sekolah kurang merancang pemantauan terhadap Jurulatih Utama, status guru Bahasa Malaysia, kursus atau latihan profesional kepada guru, kebolehan komunikasi guru Bahasa Malaysia dan pelaporan program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi memartabatkan Bahasa Malaysia. Pihak sekolah kurang memantau pengurusan sumber manusia dari aspek latihan profesional kepada guru Bahasa Malaysia. Input sumber manusia guru berada pada tahap rendah kerana guru Bahasa Malaysia tidak diberi bimbingan secukupnya. Ramai yang belum mengikuti kursus dan latihan berkaitan pelaksanaan program MBM. Di samping itu, sejumlah kecil guru menggunakan TMK untuk aktiviti berbahasa dan sejumlah besar pula guru tidak menggunakan modul yang disediakan. Pihak yang bertanggungjawab perlu memberi perhatian sewajarnya dalam pelaksanaan program MBM.

Peranan guru Bahasa Malaysia dalam Jawatankuasa MBM peringkat sekolah masih rendah dan kabur bagi dimensi input sumber bukan manusia. Sejumlah besar guru Bahasa Malaysia menyatakan panitia kurang memberikan perhatian dalam menguruskan kemudahan set komputer kepada guru Bahasa Malaysia untuk proses PdP. Malah, pihak sekolah tidak membekalkan kemudahan simulasi program MBM bagi tujuan proses PdP.

Perancangan guru Bahasa Malaysia dalam pelaksanaan program MBM adalah pada tahap sederhana. Guru Bahasa Malaysia belum memiliki instrumen penilaian untuk digunakan bagi mengukur dan menilai status pelaksanaan program MBM. Adalah diharapkan satu instrumen khusus dapat dibina untuk mengukur sejauh mana pelaksanaan program MBM dan keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat sekolah dalam memartabatkan penggunaan Bahasa Malaysia.

Perancangan panitia Bahasa Malaysia juga pada tahap sederhana. Panitia Bahasa Malaysia kurang membincangkan pelaksanaan program MBM dan hanya memfokuskan kepada pengurusan pengajaran Bahasa Malaysia sahaja. Penyelarasan dari segi amalan koakademik dan pelaporan memerlukan perhatian Ketua Panitia. Guru Bahasa Malaysia menyatakan Ketua Panitia kurang memantau penyelarasan program MBM sekolah sama ada dalam membimbing, menggunakan modular pembelajaran dan membantu guru dalam menyediakan instrumen penilaian.

Pelaksanaan pemantauan guru adalah pada tahap rendah. Guru Bahasa Malaysia menyatakan Jurulatih Utama sekolah, Nazir, PPD dan Guru Cemerlang dan SISC pelajaran yang dilantik tidak memantau proses pelaksanaan program MBM. Guru Bahasa Malaysia menyatakan pemantauan hanya

dilakukan oleh Ketua Bidang dan Ketua Panitia. Justeru pemantauan secara berterusan perlu diberi perhatian oleh bahagian yang bertanggungjawab untuk memastikan perjalanan dan pelaksanaan MBM berjalan dengan lancar dan sistematik serta mencapai matlamat.

Guru yang terlibat dengan program MBM, didapati kurang berusaha memartabatkan Bahasa Malaysia dan dapat dikesan di Bilik Gerakan sekolah dalam bentuk label di papan kenyataan yang ditulis tanpa mengikut standard penulisan Bahasa Malaysia. Sebagai contoh, perkataan “Analisa Peperiksaan” (sepatutnya Analisis Peperiksaan), dan “pentaksiran” (sepatutnya Pentaksiran Berasaskan Sekolah / PBS). Justeru itu, keadaan ini akan memberi impak kepada pelajar dalam memahami dan menguasai bahasa Malaysia mengikut standard yang betul.

Kompetensi murid dalam pelajaran bahasa Malaysia sekolah rendah bagi aspek pembelajaran adalah sederhana berada di tahap HARAPAN mengikut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Kaedah dan corak pembelajaran murid sekolah rendah masih tidak mencapai tahap yang diharapkan. Guru perlu memberikan pendedahan kepada murid kaedah pembelajaran berdaya maju dan kaedah mencapai bahan dalam talian. Berdasarkan penyelidikan, keseluruhan murid kurang aktif berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya yang dapat dibuktikan melalui dapatan ujian lisan yang rendah kepada murid sekolah rendah dan menengah. Guru bahasa Malaysia perlu mengamalkan kaedah pelbagai dan menguasai teknik penyzoalan supaya murid terlibat secara aktif dalam semua aktiviti yang dirancang. Penilaian yang berterusan perlu dirancang dan direkodkan supaya guru bahasa Malaysia dapat menyemak dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid untuk penambahbaikan.

Kompetensi bahasa Malaysia murid sekolah rendah dalam ujian penulisan adalah rendah dan tidak memuaskan. Oleh itu, guru perlu memberikan pendedahan secukupnya teknik penulisan yang sistematik supaya kemahiran menulis murid dapat ditingkatkan di samping pelbagai program lain bagi meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia dilaksanakan. Kompetensi penulisan guru Bahasa Malaysia sekolah rendah dan menengah hanya pada tahap sederhana. Dapatan ini membuktikan bahawa guru Bahasa Malaysia bagi kedua-dua peringkat sekolah perlu diberi pendedahan dan kursus untuk meningkatkan teknik, kaedah dan tatacara penulisan yang betul supaya proses PdP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sejumlah besar guru besar dan guru Bahasa Malaysia sekolah rendah tidak memiliki ijazah sarjana muda berbanding guru sekolah menengah. Pihak KPM perlu mengambil tanggungjawab melaksanakan dasar pensiswazahan guru besar dan guru khususnya di sekolah rendah. Langkah ini bagi menjamin semua guru memiliki kelayakan dalam melaksanakan proses PdP berkualiti untuk mencapai objektif pembelajaran dengan jelas.

Dimensi keperluan asas bagi aspek fizikal di sekolah rendah masih di tahap sederhana berbanding sekolah menengah. Adalah diharapkan keperluan asas bagi aspek fizikal di sekolah rendah diberi perhatian yang wajar supaya keberkesanan dan kecekapan proses PdP dapat dicapai seperti mana yang termaktub di dalam pekeliling. Pemantauan fizikal oleh kepimpinan sekolah adalah pada tahap sederhana, buktinya peralatan PdP dalam keadaan tidak boleh digunakan dan kos baik pulih yang sangat tinggi di samping jumlah peralatan yang tidak mengikut nisbah jumlah pelajar di setiap sekolah. Sejumlah besar guru Bahasa Malaysia menyatakan pihak sekolah tidak menyediakan kemudahan makmal bahasa, cuma sebahagian kecil kemudahan disediakan seperti set komputer dan capaian internet untuk guru Bahasa Malaysia. Senario ini menunjukkan perbezaan yang ketara dengan usaha yang telah dilakukan oleh pihak KPM untuk memperluaskan penggunaan bahan TMK dalam PdP. Adalah disarankan agar pihak KPM dapat mewujudkan satu garis panduan yang jelas untuk menaiktaraf makmal komputer kepada makmal bahasa dan pemantauan perlu dibuat oleh Bahagian Teknologi Pendidikan.

KESIMPULAN

Terdapat banyak aspek perlu diberikan perhatian serius bagi menjayakan hasrat program MBM ini. Pihak KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, kepimpinan sekolah dan guru bahasa Malaysia dituntut melaksanakan tugas dan peranan masing-masing dengan jelas bagi memastikan segala langkah-langkah yang ditetapkan akan mendapat kejayaan sepanjang pelaksanaan program MBM ini. Kejayaan pelaksanaan program MBM mampu meletakkan martabat bahasa

Malaysia pada tempatnya. Semasa proses pelaksanaan program MBM, peluang memartabatkan bahasa Malaysia lebih tinggi melalui pelbagai pendekatan, strategi, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Usaha berterusan negara meletakkan bahasa Malaysia ditempatnya perlu disokong sepenuhnya oleh semua pihak, selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ini. Kegagalan berperanan dan melaksanakan tugas dengan efektif dan efisien oleh pihak-pihak berkenaan begitu membimbangkan yang akhirnya menyebabkan dasar hanya tinggal sebagai dasar sahaja.

BIBLIOGRAFI

- Amir Saleh @ Mohd Sallleh. 1997. *Inservice Training for Malaysian Secondary School Teacher*. Thesis PhD, University of Michigan.
- Argyris, C., and Schon, D. 1978. *Organizational Learning: A Theory of Action Perspective Reading*. Mass: Addison-Wesley.
- Bandura, A. 2000. Excercise of Human Agency through Collective Efficacy. *Current Directions in Psychological Science*. Vol. 9(3):75-78
- Calder, J. 1994. *Program Evaluation and Quality: A Comprehensive Guide to Setting up an Evaluation System*. London: Kogan Page Limited.
- Chelimsky, E. 2007. The Purpose of Evaluation in a Democratic Society. J.C. Greene & M. M (Eds.) *The Sage Handbook of Evaluation*, Thousand Oaks. L. A. Sage.
- Cronbach, I. J. 1963. *Causes Improvement through Evaluation*. Teacher College Record.
- Dasar-Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia 2015. Diperoleh Mac 20, 2015 daripada <http://www.moe.my>
- E-book Kementerian Pelajaran Malaysia, Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris 2010.
- Hallinger, P., and Heck, R. H. 1996. Reassessing the Principal's Role in School Effectiveness: A Review of the Empirical Research, 1980-1995. *Educational Administration Quarterly*. Vol. 32(1):27-31.
- Hassan Ahmad. 2005. *Memartabatkan Penggunaan Bahasa Melayu: Dasar, Pelaksanaan dan Pencapaian*, Kertas Kerja Kongres Pendidikan Melayu ke-2, Anjuran Persekutuan Badan Pendidikan dan Pembangunan Melayu (PBPPM), di Berjaya Times Square Hotel & Convention Centre, Kuala Lumpur, 26-27 Mac, 2005
- Kementerian Kewangan. 2012. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2012. Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2013. Putrajaya: KPM diperolehi dari http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/circularfile/2012/circularfile_file_000959.pdf
- Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru. 2009. *Penilaian Program*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12 Tahun 2011. Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Buku Penerangan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V., and Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. Vol. 30:607-610.
- Leithwood, K., Anderson, S., Mascall, B., and Strauss, T. 2010. School Leaders' Influences on Student Learning: The Four Paths, in Bush, T., Bell, L. and Middlewood, D. (Eds). *The Principles of Educational Leadership and Management*. London: Sage Publications.
- MacDonald, B. 1976. Evaluation and the Control of Education in D, Tawney (Ed.). *Curriculum Evaluation Today Trends and Implication*, London, McMillian.
- MBMMBI (2015). Diperoleh Mac 20, 2015 daripada <http://www.moe.gov.my/my/mbmmbi>
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rasdi Saamah. 2003. Kesianaan Guru-Guru Sekolah Rendah Melaksanakan Perubahan Bahasa Pengantar Mata Pelajaran Sains dan Matematik. Kertas Projek Sarjana Pendidikan Fakulti Pendidikan, UKM. (tidak diterbitkan).
- Murphy, J. 1990. *The Reform of American Public Education in the 1980s: Themes and Cases* (pp.

Analisis Pelaksanaan Program Memartabatkan Bahasa Malaysia (MBM) Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia
Mohd Sahandri Gani Hamzah, Mohd Yusof Abdullah, Abdul Raof Hussin,
Saifuddin Kumar Abdullah, Wong Kung Teck dan Shahril Ismail

- 277-304). Berkeley, CA: McCutchan.
- Norizan Ismail, Khairuddin Mustafa dan Kamaruzzaman Mohd Said. 2011. *Prosiding Seminar Penyelidikan Zon Timur Jilid 3 IPG KKB*. Kota Bharu: IP Zon Timur.
- Payne, D. A. 1997. *Applied Educational Assessment*. University of Georgia: Wadsworth Publishing Company ITP and International Thompson Publishing Company.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan. (PIPP), Rangka Rancangan Jangka Panjang ke-9 (2006-2010). Diperolehi daripada <http://www.moe.gov.my/pipp/>
- Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional. 2008. *Laporan Eksekutif: Tahap Kompetensi Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Menggunakan Bahasa Inggeris serta Implikasinya Terhadap Pembangunan Modal Insan Murid*. Laporan Penyelidikan yang tidak diterbitkan. PEMBINA.
- Preskill, H., and Caracelli, V. (1997). Current and Developing Conceptions of Use: Evaluation Use TIG Survey Results. *American Journal of Evaluation*, Vol. 18:250-271.
- Rossi, P. H., Freeman, H. E., and Lipsey, M. W. (1999). *Evaluation: A Systematic Approach* (6th Ed.) Thousand Oaks: CA. Sage.
- Tschannen-Moran, M., Woolfolk-Hoy, A., and Hoy, W. K. 1998. Teacher Efficacy: Its Meaning and Measure. *Review of Educational Research*. Vol. 68(2):202-248.